

28 AUG 1997

PM LANCAR KEMPEN KESELAMATAN JALAN RAYA PADA 18 SEPT

SEGAMAT, 28 Ogos (Bernama) -- Kempen keselamatan jalan raya bagi penunggang dan pembonceng motosikal akan dilancarkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed pada 18 Sept.

Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik berkata walaupun kempen itu belum dilancarkan tetapi polis sudah mula melaksanakannya demi keselamatan pengguna jalan raya.

"Saya sudah berbincang dengan pihak polis... mereka akan bertegas dalam soal ini semata-mata untuk menyelamatkan nyawa terutamanya penunggang dan pembonceng motosikal," katanya kepada pemberita selepas merasmikan dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Chaah, dekat sini, malam tadi.

Dr Ling berkata daripada angka kematian akibat kemalangan jalan raya di seluruh negara, sebanyak 60 peratus terdiri daripada penunggang dan pembonceng motosikal yang kebanyakannya di kawasan luar bandar.

Menurutnya, beliau gembira melihat kini ramai penunggang dan pembonceng motosikal di luar bandar sudah mula memakai topi keledar tetapi masih ramai yang tidak mengikat tali topi keledar dengan betul.

Penunggang dan pembonceng yang memakai topi keledar tetapi tidak mengikatnya dengan betul adalah serupa seperti tidak memakainya, katanya.

"Jika diikat dengan baik, seseorang penunggang atau pembonceng itu akan mempunyai peluang untuk selamat jika berlaku kemalangan," katanya. --

BERNAMA

MKO NMO